

K-sama kaum² mengekekalkan ketahanan kita — Dr. Mahathir

PULAU PINANG, Selasa — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed menegaskan sikap UMNO sanggup berkerjasama dengan kaum lain merupakan satu simbol perpaduan yang harus dikekalkan untuk kepentingan rakyat dan negara.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata amalan baik ini mestilah dikekalkan bukan sahaja demi kepentingan perpaduan rakyat tetapi juga untuk menghindarkan ancaman keselamatan.

Malah menurut Datuk Seri Dr. Mahathir lagi amalan seperti itu juga akan dapat mengekekalkan ketahanan kita dari sebarang ancaman.

Bellau menegaskan

demikian semasa berucap di majlis perayaan ke 30 tahun UMNO cawangan Kelawai di sini malam tadi.

Majlis tersebut dihadiri 500 orang termasuk tokoh-tokoh komponen parti Barisan Nasional dan Ketua Menteri Pulau Pinang Dr. Lim Chong Eu.

Pembela

Timbalan Perdana Menteri berkata UMNO ialah sebuah parti yang ditubuhkan untuk membela nasib bangsa Melayu.

Tetapi tegas beliau, UMNO juga telah berjuang bukan untuk kepentingan Melayu sahaja.

Katanya, bila UMNO mementingkan nasib bangsa Melayu bermakna juga perjuangannya itu ialah dari segi konteks ke arah kesetabilan negara.

Datuk Seri Dr.

Oleh ZAINALA.

Mahathir berkata, "Kalau nasib bangsa Melayu terjamin berarti juga nasib bangsa asing juga ikut terjamin di negara ini."

Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO menarik perhatian tentang perlunya masyarakat Bumiputera di negeri ini dapat menyesuaikan peranan mereka dengan keadaan sekarang.

Dalam hubungan ini beliau menegaskan, "Kita hidup dalam dunia ini yang kian berubah. Jika kita ingin keadaan kita terselamat kita harus menerima perubahan yang berlaku."

Sambil itu beliau menegaskan, "Jika kita ingin tinggal di bandar kita mestilah tukar cara hidup kita sesuai dengan bandar."

Menurut beliau jika kita sedia menerima perubahan ini masyarakat Bumiputera boleh kekal

tinggal di kawasan bandar.

Bellau berkata, "Cara-cara lama hidup di kampung tentulah tidak sesuai dengan perkembangan di bandar satu dari faktornya ialah kekurangan tanah."

Harga tanah di kawasan bandar kini telah berlipat kali ganda ini tidak mungkin dapat didirikan rumah seperti yang terdapat di kampung-kampung.

Datuk Seri Dr. Mahathir memuji UMNO cawangan Kelawai kerana berjaya mengumpul derma \$1,800 untuk tabung derma bangunan UMNO Malaysia yang menelan belanja \$120 juta.

Kejayaan ini menurutinya sangat menggalakkan. Beliau berharap seluruh cawangan UMNO di negara ini yang mempunyai ahli berjumlah 600,000 orang dapat mencontohi kejayaan yang dilakukan oleh UMNO cawangan Kelawai.

Pengerusi perayaan itu Syed Abbas Alhabshee dalam ucapannyanya sebelum itu menyatakan derma tersebut adalah sumbangan dari 330 orang.

Mereka menurutnya termasuklah sebilangan intelektual yang mengenang jasa perjuangan UMNO terhadap bangsa Melayu dan negara.

Katanya, "Perjuangan UMNO memang besar dan jasanya terlalu banyak kepada bangsa Melayu. Kerana itulah sumbangan seperti itu diberikan."

Datuk Seri Dr. Mahathir dan isterinya Datin Seri Dr. Hasmah masing-masing telah diberi hadiah cenderamata. Kedua mereka pulang pagi ini ke ibukota.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia